

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD**  
**YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**SOALAN NO. 429**

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha terbaru Kementerian bagi melindungi golongan wanita dan kanak-kanak yang menjadi gelandangan di sekitar bandar dan ibu kota.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu gelandangan, Kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi (*multi-sectoral*). Kementerian sentiasa memperkemas dan memperkuatkan lagi tindakan bersepada pelbagai agensi bagi memastikan golongan gelandangan dibantu dengan lebih berkesan.

Golongan gelandangan ini terdiri daripada pelbagai latar belakang sama ada lelaki, wanita dan kanak-kanak. Mereka ini adalah orang yang bekerja tapi tidak mampu menyewa rumah atau bilik, penagih dadah, penganggur, pesakit mental, pesakit melarat, dan warga emas yang tidak mempunyai ahli keluarga.

Pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan dalam membantu golongan gelandangan terutamanya wanita dan kanak-kanak di bandar dan ibu kota iaitu:

1. Kementerian juga telah mengambil inisiatif menuju Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial dan intervensi yang diwujudkan bertujuan membantu golongan gelandangan. Perkhidmatan yang disediakan adalah meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, saringan kesihatan, program intervensi kaunseling dan motivasi, pusat rujukan bantuan sosial serta bantuan mendapatkan pekerjaan melalui kerjasama agensi-agensi kerajaan serta Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan. Penekanan dalam aspek kaunseling, bimbingan dan motivasi dilaksanakan di Anjung Singgah adalah sebagai persediaan awal kepada penghuni bagi meningkatkan daya tahan dan daya juang dalam mengharungi cabaran kehidupan serta memangkinkan perubahan sikap dan tingkah laku.

Sehingga kini sebanyak lima (5) buah Anjung Singgah telah beroperasi iaitu:

- a. Anjung Singgah YKN Kuala Lumpur – mula beroperasi mulai 9 April 2011;
- b. Anjung Singgah YKN Sarawak - 15 Oktober 2012;

- c. Anjung Singgah YKN Johor - 9 Jun 2013;
- d. Anjung Singgah YKN Pulau Pinang – 9 Jun 2014; dan
- e. Anjung Singgah Perak – 9 Januari 2017

Dengan kapasiti 288 buah katil di Anjung Singgah dari sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2011 dan diperluaskan di bandar raya utama seluruh negara. Daripada Januari 2018 sehingga Februari 2019 seramai 391 orang wanita dan 139 orang kanak-kanak telah mendaftar masuk dan menerima perkhidmatan di Anjung Singgah secara sukarela. Keskes ini akan diuruskan mengikut keperluan individu tersebut dan dirujuk ke Agensi berkaitan mengikut kesesuaian kes. Antara intervensi yang akan dilaksanakan adalah sesi kaunseling, padanan kerjaya, penempatan untuk menyewa bilik/rumah dan selebihnya telah dirujuk ke Agensi yang berkaitan serta pulang ke kampung halaman.

2. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan juga turut membantu golongan gelandangan di Kuala Lumpur melalui Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur di Jalan Pahang dengan kapasiti 150 buah katil yang mana YKN adalah koordinator pusat ini. Penubuhan Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur ini yang telah mula beroperasi pada 10 Februari 2016 dan ianya merupakan hasil daripada kerjasama strategik yang dijalin antara Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Malaysian Resources Corporation Berhad dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) merupakan satu pusat sehenti (One Stop Centre) di mana, hampir kesemua kategori gelandangan warganegara diterima masuk sebagai penghuni dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan dan hanya memfokuskan kepada gelandangan lelaki sahaja. Sekiranya terdapat gelandangan wanita memerlukan intervensi awal, PTGKL akan merujuk mereka ke Anjung Singgah. Sehingga kini seramai 2,315 orang gelandangan telah mendaftar sebagai penghuni di PTGKL. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,175 orang telah keluar daripada pusat tersebut setelah mendapat pekerjaan, dirujuk ke Anjung Singgah untuk sesi kaunseling, pulang ke pangkuan keluarga dan dirujuk ke institusi kebajikan.

3. Seterusnya, bagi memastikan gelandangan dapat mengubah kehidupan agar lebih baik, Program Rumah Bimbingan Gelandangan dengan kerjasama YKN dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula disediakan secara sewaan kepada gelandangan yang telah selesai program transit di PTGKL dan program intervensi kaunseling di Anjung Singgah. Ini adalah sebagai usaha baru I untuk mereka diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Program tersebut melibatkan 20 unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Seri Selangor di bandar raya Kuala Lumpur. Kadar sewa bagi seorang penghuni Rumah Bimbingan Gelandangan adalah RM1.00 sehari dan unit berkenaan boleh memuatkan seramai 4 orang penghuni. Bagi tahun 2019, Rumah Bimbingan Gelandangan Kuala Lumpur ini telah diperluas kepada gelandangan wanita yang telah selesai menjalani intervensi kaunseling di Anjung Singgah serta telah dipadankan kerjaya yang bersesuaian, mereka ini ditempatkan di Rumah Gelandangan Kuala Lumpur. Sehingga kini seramai 3 orang wanita merupakan penghuni semasa Rumah Bimbingan Gelandangan Kuala Lumpur.

4. Kementerian juga sentiasa prihatin dan menitik beratkan kesejahteraan dan kebijakan golongan gelandangan yang meliputi usaha menyelamat, memulihkan, menasihatkan dan membantu golongan ini agar mereka dapat kembali semula ke pangkuhan keluarga dan diintegrasikan dalam masyarakat. Selaras dengan keputusan **Mesyuarat High Level Committee Majlis Sosial** yang telah dipengerusikan oleh **YAB Timbalan Perdana Menteri** pada 18 Februari 2016 yang lalu, KPWKM telah diberi tanggungjawab untuk menjadi **peneraju** serta menubuhkan **satu badan penyelarasan/sekretariat** dalam menangani isu gelandangan secara holistik. Sehubungan itu, kerjasama dan penglibatan pelbagai pihak yang berkepentingan seperti agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan digembangkan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam menangani isu ini. Terdapat lima (5) focal point telah ditubuhkan di bawah **Sekretariat Penyelarasan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan** iaitu:

- i. Perumahan: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- ii. Kebajikan: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- iii. Pekerjaan: Kementerian Sumber Manusia (KSM);
- iv. Kesihatan : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM); dan
- v. Bukan warganegara
- vi. : Kementerian Dalam Negeri (KDN);

Selain itu, satu Pelan Tindakan Bagi Menangani Isu Golongan Gelandangan yang terbahagi kepada 5 sektor utama mengikut pembahagian focal point tersebut juga sedang dirangka dan dijangka akan diterbitkan dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha berterusan daripada pihak kerajaan dalam isu gelandangan di ambil serius oleh pihak Kementerian ini dan agensi yang berkaitan. Daripada statistik penghuni di Anjung Singgah dan PTGKL, gelandangan yang telah dibantu melalui pusat-pusat ini tanpa mengira jantina. Walau bagaimanapun, gelandangan ini sentiasa memerlukan sistem sokongan dan juga menghadapikekangan untuk mengubah kehidupan dan sukar mendapat penempatan pekerjaan atas faktor ketagihan dadah, alkohol, masalah kesihatan dan sikap gelandangan itu sendiri yang masih tidak mahu berubah.